

Harian Metro - 23/4/2016



NORDIN (berkaca mata) bergambar bersama peserta ESPER Siri II sebelum majlis pelepasan.

Penyelidik, penuntut konvoi teroka hutan dara

Kuala Nerus: Seramai 90 peserta terdiri daripada penyelidik dan penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bersama ahli kelab pacuan empat roda mengikuti Program Ekspedisi Saintifik Pacuan Empat Roda ('ESPER') Siri II di Lata Berangin, Hulu Keruak, Besut.

Ekspedisi saintifik selama tiga hari sehingga esok (Ahad) anjuran Pejabat Institut Penyelidikan Alam Sekitar (ESERI) itu bertujuan menjalankan penye-

lidikan flora dan fauna serta memberi kesedaran kepada peserta mengenai penjagaan alam sekitar.

Pengarah Kemometrik, Foresik Alam Sekitar dan Permodelan UniSZA Prof Madya Dr Hafizan Juahir berkata, lokasi berkenaan dipilih kerana ia adalah kawasan hutan simpan yang belum diterokai dan sesuai untuk penyelidikan.

Menurutnya, peserta akan diberi pendedahan perbandingan

kawasan hutan atau pedalaman yang belum diceroboh dengan kawasan sudah membangun sepanjang program ini kelak.

"Bagi memastikan penyelidikan ini memperoleh hasil terbaik, kami turut membawa semua peralatan penyelidikan yang ada untuk mengumpul data dan dijadikan rujukan kerana kawasan yang kita pergi ini adalah lokasi di bawah Pentadbiran Jabatan Perhutanan Terengganu."

"Selain itu, peserta turut di-

beri peluang untuk menjalankan kerja lapangan, penyelidikan dan pengumpulan data bersama lapan penyelidik UniSZA," katanya pada sidang media selepas majlis pelepasan Program ESPER Siri II ke Lata Berangin, Hulu Keruak, Besut di UniSZA Kampus Gong Badak, di sini, semalam.

Majlis pelepasan peserta ekspedisi itu disempurnakan Pendaftar UniSZA Prof Madya Nordin Jusoh.